



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 26 Februari 2004

Bilangan 3/2004

Ruj: UMS/PN2.1/P5/2

**PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA
OLEH PEGAWAI AWAM**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuh bagi melaksanakan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 mengenai pemilikan dan perisytiharan harta oleh pegawai awam di bawah Seksyen 9, Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Tahun 2000.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuaratnya yang ke 17 telah bersetuju untuk melaksanakan arahan Kerajaan yang mengkehendaki semua pegawai awam mengisytiharkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan masing-masing segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau suami atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.

- 2.2 Bagi pekeling ini :-

"harta" bermaksud harta yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menerusi Warta Kerajaan Malaysia P.U.(B) 559 bertarikh 30 November 1995 seperti berikut:

- (a) berkenaan dengan harta tak alih:
- (i) tanah, termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara;

- (ii) segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium;
 - (iii) bangunan, termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung; dan
- (b) berkenaan dengan harta alih:
- (i) apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan;
 - (ii) syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain;
 - (iii) apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;
 - (iv) apa-apa harta alih yang lain, termasuklah segala jenis kenderaan motor, barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan yang harga belian tiap-tiap satunya melebihi 6 bulan emolumen atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih rendah;

"Ketua Jabatan" bermaksud seseorang yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat kementerian, jabatan termasuk jabatan di peringkat negeri, daerah atau bahagian dalam sesebuah organisasi;

"pegawai" bermaksud pegawai perkhidmatan awam yang bertaraf tetap, sementara atau kontrak;

"pemilikan harta" bermaksud harta yang dimiliki oleh pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya;

"perisytiharan harta" bermaksud perisytiharan harta kali pertama, harta tambahan, pelupusan harta dan termasuk pengakuan tiada perubahan ke atas pemilikan harta;

3.0 KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA

3.1 Semua pegawai dikehendaki mengisytiharkan harta apabila:

- (a) dilantik ke dalam perkhidmatan awam;
- (b) dikehendaki oleh Kerajaan;
- (c) memperolehi harta tambahan; dan

- (d) melupuskan harta.

4.0 TATACARA PERISYTIHARAN HARTA

- 4.1 Bagi tujuan membuat perisytiharan harta, borang berikut hendaklah digunakan:

	<u>Jenis Borang</u>	<u>Kegunaan</u>
(a)	Borang PENT/07-01 (berwarna merah jambu) (LAMPIRAN 'A')	Bagi perisytiharan harta kali pertarr
(b)	Borang PENT/07-02 (berwarna kuning) (LAMPIRAN 'B')	Bagi perisytiharan harta tambah (jika pernah mengisi bora penrisytiharah harta).
(c)	Borang PENT/07-03 (berwarna hijau) (LAMPIRAN 'C')	Bagi perisytiharan pelupusan harta.

- 4.2 Maklumat yang terkandung dalam borang perisytiharan harta adalah bertaraf '**SULIT**'. Ketua Jabatan diminta mengambil langkah keselamatan yang sewajarnya untuk memastikan borang perisytiharan harta yang telah dipenuhi diuruskan mengikut langkah dan peraturan menguruskan dokumen sulit Kerajaan yang lain.

5.0 KEGAGALAN MENGISYTIHARKAN PEMILIKAN HARTA

- 5.1 Pegawai yang gagal membuat perisytiharan harta, boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Tahun 2000.

6.0 PENUTUP

- 6.1 Borang-borang yang telah diisi dengan sempurna hendaklah disemak oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan ke Jabatan Pendaftar selewat-lewatnya pada **10 Februari 2004** untuk disahkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.